



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI SEKOLAH  
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8889 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. 7 ( 3 )

Tarikh : 06 Jun 2023

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 3  
TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI LUAR INSTITUSI PENDIDIKAN  
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SEMASA CUACA PANAS**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan surat makluman berkenaan Penangguhan Aktiviti Luar Semasa Menghadapi Cuaca Panas bernombor rujukan KPM.600-17/1/18 Jld.6 (52) bertarikh 5 Mei 2023 bagi mengelakkan sebarang komplikasi kepada kesihatan dan keselamatan murid, guru serta anggota pelaksana semasa berhadapan dengan fenomena cuaca panas yang tidak menentu.

3. Namun, setelah meneliti perkara tersebut KPM membenarkan semula pelaksanaan aktiviti luar dengan memastikan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid, guru serta anggota kumpulan pelaksana semasa berhadapan dengan fenomena cuaca panas terjamin.

4. Sehubungan dengan itu, surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas. Garis Panduan ini dapat menjadi rujukan kepada semua institusi pendidikan bawah KPM agar dapat mengambil langkah-langkah dan tindakan sewajarnya terhadap aspek kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid bagi mengurangkan komplikasi akibat cuaca panas semasa melaksanakan aktiviti luar bilik darjah. Garis panduan ini hendaklah dipatuhi supaya kesan gelombang haba yang memudaratkan kesihatan seperti hipertermia atau strok haba dan dehidrasi dapat dielakkan.

5. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas dirujuk dan dipatuhi. Garis panduan ini boleh dimuat turun daripada laman sesawang KPM melalui pautan <https://www.moe.gov.my>.

6. Surat siaran ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan:

- 6.1 Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2016 berkaitan Persediaan Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Kering yang Berpanjangan bertarikh 26 April 2016;
- 6.2 Surat Peringatan Berkaitan Persediaan Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Jerebu bertarikh 26 April 2023;
- 6.3 Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Malaysia berkenaan Peringatan Berkaitan Persediaan Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Jerebu bertarikh 28 April 2023; dan

6.4 Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Malaysia berkenaan Kebenaran Khas Memakai Pakaian Sukan Semasa Cuaca Panas bertarikh 3 Mei 2023.

7. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.

8. Dengan berkuat kuasa surat siaran ini maka surat maklum KPM berkaitan Penangguhan Aktiviti Luar Semasa Menghadapi Cuaca Panas bernombor rujukan KPM.600-17/1/18 Jld.6 (52) bertarikh 5 Mei 2023 adalah **terbatal**.

9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DR. NORISAH BINTI SUHAILI)**

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

KPM.100-1/3/2 Jld.7 ( 3 )

- 4, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI LUAR  
INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
SEMASA CUACA PANAS**

## **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI LUAR INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SEMASA CUACA PANAS**

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab membentuk generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi dan rohani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kegiatan murid secara berkumpulan di luar bilik darjah merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberi peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah. Aktiviti luar bilik darjah dapat memupuk sahsiah murid melalui pergaulan dalam kalangan murid, meningkatkan minat dan disiplin diri serta memupuk perpaduan.
2. KPM sentiasa menitikberatkan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid semasa negara dilanda fenomena bahang dan cuaca panas melampau. Keadaan semasa menunjukkan terdapat kawasan yang mengalami peningkatan suhu maksimum harian antara 35°C hingga 37°C untuk tiga hari berturut-turut. Keadaan cuaca panas yang berlaku ini boleh mencetuskan gelombang haba (heat wave).
3. KPM sentiasa merujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam menilai keperluan pelaksanaan aktiviti luar semasa cuaca panas. Mengambil kira pandangan semua pihak dan kepentingan aktiviti luar kepada murid sekolah, KPM menetapkan bahawa aktiviti luar bilik darjah boleh dilaksanakan dalam keadaan **suhu kurang daripada 35°C** tetapi dengan langkah kawalan dan tahap berjaga-jaga yang tinggi. Keadaan suhu semasa boleh dirujuk melalui laman sesawang MetMalaysia, <https://www.met.gov.my>.
4. Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua institusi pendidikan bawah KPM agar dapat mengambil langkah-langkah dan tindakan sewajarnya terhadap aspek kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid bagi mengurangkan komplikasi akibat cuaca panas semasa melaksanakan aktiviti luar bilik darjah. Garis panduan ini perlu difahami dan dipatuhi supaya kesan gelombang haba yang memudaratkan kesihatan seperti hipertermia atau strok haba dan dehidrasi dapat dielakkan. Garis panduan ini juga merujuk kepada surat siaran/makluman/kenyataan media seperti berikut:

- 4.1 Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2016: Persediaan Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Kering yang Berpanjangan bertarikh 26 April 2016;
  - 4.2 Surat Peringatan Berkaitan Persediaan Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Jerebu bertarikh 26 April 2023; dan
  - 4.3 Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Malaysia tentang Peringatan Berkaitan Persediaan Institusi Pendidikan di bawah KPM berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Jerebu bertarikh 28 April 2023.
5. Semua institusi pendidikan bawah KPM yang melaksanakan aktiviti luar bilik darjah hendaklah mematuhi perkara seperti berikut:
- 5.1 memastikan penyertaan murid adalah secara sukarela dan mendapat kebenaran ibu bapa/penjaga;
  - 5.2 menerangkan kepada murid langkah pencegahan, simptom dan tindakan rawatan;
  - 5.3 menggalakkan murid memakai pakaian yang bersesuaian dan berwarna cerah;
  - 5.4 menyediakan kemudahan penyejukan (cooling facilities) seperti tempat berlindung (kanopi/payung), ais atau tuala basah;
  - 5.5 memastikan murid minum air yang mencukupi sebelum, semasa dan selepas aktiviti dengan menyediakan bekalan air minuman yang mencukupi serta menggalakkan murid membawa air minuman sendiri;
  - 5.6 memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas bagi memastikan kesihatan mereka tidak terjejas;
  - 5.7 membenarkan waktu rehat tambahan semasa aktiviti dan waktu pemulihan (cooling down) yang mencukupi;
  - 5.8 membuat penyesuaian tempoh, waktu mula dan waktu tamat acara/aktiviti berdasarkan perubahan cuaca persekitaran;



- 5.9 merujuk kepada pihak klinik atau hospital berdekatan sekiranya berlaku sebarang kes dan komplikasi kepada murid akibat fenomena ini;
  - 5.10 melaporkan kes-kes berkaitan keselamatan dan kesihatan murid kepada ibu bapa/penjaga dengan kadar segera; dan
  - 5.11 menangguhkan semua aktiviti luar (outdoor) yang sedang berlangsung sekiranya berlaku peningkatan suhu melebihi 35°C.
6. Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas diharap dapat memastikan pengurusan pelaksanaan aktiviti luar dilaksanakan secara teratur. Aspek kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid mestilah menjadi keutamaan warga institusi pendidikan.